

S PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025
PERTANIAN
TINGKATAN 5
KERTAS 1
DUA JAM TIGA PULUH MINIT

NAMA CALON:.....KELAS:.....

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- Tuliskan nama dan tingkatan anda pada petak yang disediakan. - Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B. - Jawab semua soalan daripada Bahagian A dan Bahagian B. - Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas peperiksaan ini. Sekiranya ruang jawapan dalam kertas peperiksaan tidak mencukupi sila gunakan helaian tambahan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas peperiksaan pada akhir peperiksaan. - Pengiraan mesti ditunjukkan dengan jelas. - Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.	MARKAH PENSKORAN			
	BAHAGIAN	NO. SOALAN	MARKAH SEBENAR	MARKAH DIPEROLEHI
	A (50%)	1	2	
		2	3	
		3	2	
		4	2	
		5	2	
		6	3	
		7	2	
		8	3	
		9	4	
		10	2	
		11	3	
		12	2	
		13	3	
		14	2	
		15	2	
		16	2	
		17	2	
		18	3	
		19	3	
		20	3	
	B (50%)	1	10	
		2	10	
		3	15	
		4	15	
	JUMLAH			

Bahagian A
[50 markah]
Jawab semua soalan

- 1 Jadual 1 adalah sifat dua jenis tanah.

Sifat Tanah	Jenis Tanah	
	A	B
Saliran	Sederhana baik	Sangat baik
Saiz kumin	0.002 mm - 0.05 mm	Lebih 0.05 mm
Rongga udara	Kecil	Sangat besar
Kandungan Nutrien	Sederhana	Rendah

Jadual 1


Nyatakan jenis tanah:

A :

B :

[2 markah]


- 2 Rajah 1 menunjukkan hasil eksperimen menentukan tekstur tanah menggunakan kaedah mendapan. Nyatakan nama lapisan A,B dan C:




Rajah 1

[3 markah]

- 3 Rajah 2 dibawah menunjukkan dua jenis sistem parit yang diamalkan oleh petani



Rajah 2(a)



Rajah 2 (b)

- a) Namakan jenis sistem parit itu.

Rajah 2(a) :

Rajah 2(b) :

[2 markah]

- 4 Rajah 3 menunjukkan maklumat yang terdapat pada label baja kimia.



Rajah 3

- (a) Nyatakan gred baja tersebut

.....

- (b) Nyatakan satu unsur nutrien yang terdapat di dalam baja PQR

.....

[2 markah]

5 Berikut adalah pernyataan tentang ciri sistem penternakan poltri.

A	• Bentuk reban yang bebas • Kadar produktiviti yang rendah
B	• Bentuk reban yang luas • Kadar produktiviti lebih baik


Nyatakan jenis sistem penternakan poltri:

A :

B :

[2 markah]


6 Rajah 4 menunjukkan keadaan taburan anak ayam pada peringkat perindukan. Nyatakan keadaan suhu pada rajah di ruang jawapan yang disediakan.



Rajah 4

[3 markah]

- 7 Rajah 5 menunjukkan satu unit perumahan sangkar puyuh penelur.



Rajah 5

- a. Nyatakan bahagian bertanda :

X :

Y :

[2 markah]

- 8 Jadual 2 menunjukkan keperluan makanan dalam penternakan ayam pedaging. Lengkapkan Jadual 2.

Umur	Jenis Makanan	Jumlah Protein	Bentuk
1 Hari- 4 Minggu	I	II	Serbuk Halus
Lebih 4 Minggu	Makanan Pembesaran	18%-20%	III.....

Jadual 2

[3 markah]

- 9 Jadual 3 adalah rekod kewangan projek tanaman cili secara fertigasi semusim.

Perkara	Kos
Pendapatan	RM9 000.00
Perbelanjaan	RM3 800.00
Berat hasil	1 800 kg

Jadual 3

Hitung:

(a) Pulangan Modal (PM).

[2 markah]

(b) Titik Pulangan Modal (TPM).

[2 markah]

- 10 Jadual 4 menunjukkan belanjawan dan rekod kewangan bagi bidang usaha tanaman jagung manis yang diusahakan oleh dua orang petani.

Perkara	Belanjawan (RM)	Rekod Kewangan (RM)	
		Petani A	Petani B
Pendapatan	11550	13000	12000
Perbelanjaan	8350	13176	6700
Keuntungan	3200	-176	5300

Jadual 4

Berdasarkan maklumat di atas,

(a) Terangkan keputusan yang perlu dibuat oleh petani A

Petani A :

Alasan :

[2 markah]

11 Rajah 6 menunjukkan tiga jenis tumbuhan berbunga.

Nyatakan klasifikasi tumbuhan itu pada ruangan yang disediakan.

Tumbuhan	Klasifikasi
	(i)
	(ii).....
	(iii).....

Rajah 6

[3 markah]

- 12 Rajah 7 menunjukkan sejenis tumbuhan berbunga.



Rajah 7


- a) Nyatakan **dua** ciri luaran tumbuhan tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

- 13 Rajah 8 menunjukkan perkaitan di antara hubungan fotosintesis dengan proses A,B dan C.



Rajah 8

Nyatakan proses tersebut:


A :

B :

C :

[3 markah]

14 Rajah 9 di bawah menunjukkan kesan persekitaran terhadap kadar transpirasi



Rajah 9

(a) Nyatakan hubung kait bagi setiap graf berikut:

- (i) Graf 1 :
-
- (ii) Graf II:
-

[2 markah]

15 Jadual 5 menunjukkan tiga nutrien makro yang diperlukan oleh tanaman.

Nyatakan nutrien bagi setiap fungsi dalam jadual di bawah.

Nutrien	Fungsi
(i)	Meningkatkan pengeluaran daun atau melebihi hasil daun.
(ii)	Mempercepatkan pengeluaran akar, bunga dan buah.
Kalium (K)	Mempercepatkan pengeluaran bunga dan buah serta menahan serangan penyakit.

Jadual 5

[2 markah]


16 Nyatakan dua kaedah pembajaan bagi penanaman tanpa tanah

- (i)
- (ii)

[2 markah]



- 17 Rajah 10 menunjukkan kaedah kawalan perosak tanaman petola di satu kebun sayuran



Rajah 10

(a) Berdasarkan Rajah 10:


- i. Tentukan kaedah kawalan perosak bagi tanaman itu.

.....
[1 markah]

- ii. Cadangkan satu cara lain yang boleh digunakan untuk mengawal serangga perosak itu.

.....
[1 markah]

- 18 Rajah 11 di bawah menunjukkan carta alir pascatuai buah koko yang tidak lengkap. Lengkapkan carta alir itu. Jawapan (i) diberi.



Rajah 11

[3 markah]

19 Rajah 12 adalah strategi pemasaran hasil pertanian



Rajah 12

Lengkapkan rajah di atas dengan strategi pemasaran yang sesuai.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

20 Jadual 6 menunjukkan penerangan dokumen selepas proses urus niaga. Nyatakan dokumen itu.

Dokumen	Keterangan
i)	Dikeluarkan oleh penjual setelah menerima bayaran daripada pembeli
ii)	Nota maklumat setiap akhir bulan yang dihantar kepada pembeli yang berhutang
iii)	Dikeluarkan oleh penjual kepada pembeli bagi pembayaran barangan yang dibeli dengan wang tunai atau cek


Jadual 6

[3 markah]

Bahagian B

Jawab **semua** soalan.Masa yang dicadangkan: **90minit**

1. Tanah bris adalah tanah bermasalah di Malaysia kerana tanahnya mengandungi kandungan pasir yang tinggi nilai pH yang rendah. Pokok jambu batu yang ditanam pada tanah tersebut didapati daunnya kekuningan dan saiz buah yang kecil.



Rajah 13

- a) Nyatakan satu kaedah yang sesuai digunakan untuk menentukan pH tanah di ladang pokok jambu batu.

.....

[1 markah]

- b) Berdasarkan jawapan di 1(a), terangkan langkah-langkah yang digunakan untuk menentukan kaedah tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

- c) Terangkan tiga kaedah memperbaiki tanah tersebut supaya sesuai untuk tanaman jambu batu.


i.

ii.

iii.

[3 markah]

2. Rajah 14 menunjukkan dua kaedah penanaman tanaman sayuran



Rajah 14

- a) Tentukan kaedah yang paling sesuai digunakan untuk mendapat hasil penanaman yang seragam dengan membuat perbandingan kedua-dua kaedah tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


[5 markah]

- b) Dengan menggunakan kreativiti anda, lakar dan labelkan reka bentuk sistem penanaman tanpa tanah secara automatik menggunakan botol-botol plastik terpakai.



[5 markah]

3. Rajah 15 menunjukkan jenis sistem penternakan poltri yang akan diceburi oleh Encik Hassan.



Rajah 15

- a) Terangkan faktor pemilihan sistem penternakan poltri yang perlu diberi perhatian oleh beliau untuk mendapatkan hasil yang baik dan berkualiti.

[illegible]

.....

.....

.....

.....

.....

[8 markah]

b) Rajah 16 menunjukkan ayam yang telah diserang penyakit.



Rajah 16

Nyatakan langkah- langkah yang sesuai dilakukan untuk mengatasi masalah di atas.
Terangkan sebab memilih langkah tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

4. Jadual 7(a) menunjukkan maklumat ternakan bidang usaha ayam pedaging dan Jadual 7(b) menunjukkan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bidang usaha itu.

Umur (minggu)	Purata Berat Badan (kg)	Jumlah Kuantiti Makanan Dimakan (kg)
4	1.3	0.8
5	1.7	1.3
6	2.0	1.5

Jadual 7 (a)

- (a) Nyatakan satu faktor yang mempengaruhi Nisbah Penukaran Makanan (NPM) ternakan ayam.

.....
[1 markah]

- (b) Berdasarkan Jadual 7 (a), hitungkan Nisbah Penukaran Makanan (NPM) bagi ayam pedaging pada minggu ke 6.

.....
[1 markah]

Anggaran Pendapatan	
Hasil	27, 500 kg
Harga hasil di ladang	RM4.50/kg
Anggaran Perbelanjaan	
Anak ayam	RM 15,000.00
Makanan Pemula	RM 12,000.00
Makanan Pembesar	RM 35,000.00
Ubatan	RM 1,500.00
Bil elektrik dan air	RM 650.00
Upah pekerja	RM 1500.00
Sewa reban	RM 3,000.00
Cukai Tanah	RM 87.00
Insuran kenderaan	RM 830.00
Susut Nilai Peralatan	RM 1000.00
Higrometer	RM 170.00
Gaji pekerja	RM 3000.00

Jadual 7 (b)

c) Berdasarkan Jadual 7 (b), **hitungkan :**

(i) Anggaran Pendapatan

[2 markah]

(ii) Kos berubah

[2 markah]

(iii) Kos tetap

[2 markah]

(iv) Kos luar jangka (10%)

[2 markah]

(v) Anggaran perbelanjaan

[2 *markah*]

(vi) Anggaran keuntungan

[1 *markah*]

(d) Hitungkan :

(i) Pulangan Modal (PM)

[1 *markah*]

(ii) Titik Pulangan Modal (TPM)

[1 *markah*]